Analisis Situasi Kata Kerja Gerak Bahasa Melayu[1]

Maslida Yusof
Nor Hashimah Jalaluddin
Zaharani Ahmad
Karim Harun
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Univeristi Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Makalah ini membincangkan sifat dan lakuan kata kerja mengikut ciri situasi dengan memberi fokus kepada kelas kata kerja gerak iaitu makna kelas kata kerja ini memasukkan komponen gerak pelaku. Data dalam kajian ini diambil daripada pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka dan dianalisis menggunakan konsep semantik Teori Role and Reference Grammar (RRG)- Van valin (2005). Representasi semantik dalam RRG berasaskan kepada representasi predikat iaitu kata kerja yang berasaskan representasi dekomposisi *Aktionsart*. Kelas *Aktionsart* terbahagi kepada kata kerja keadaan, kata kerja pencapaian, kata kerja penyempurnaan, kata kerja aktiviti, kata kerja aktif penyempurnaan dan versi kausatif bagi setiap kelas kata kerja. Representasi bagi dekomposisi kategori *Aktionsart* yang berbeza akan direpresentasikan sebagai 'struktur logik' (SL). Hasil analisis mendapati kata kerja yang secara inheren bersifat berarah merupakan kelas kata kerja aktif penyempurnaan iaitu mempunyai ciri [+tempoh masa], [- ketepatan masa], [+ titik penamat]. Kata kerja cara gerak merupakan kata kerja yang berada dalam kelas aktiviti kerana memiliki ciri [-statik, -titik penamat,-tempoh masa] yang boleh hadir bersama preposisi *di* dan *ke*. Kata kerja gerak *meninggalkan* juga merupakan kata kerja yang berada dalam kelas aktif penyempurnaan. Kata kerja ini mempunyai ciri [- statik], [+ titik penamat] dan [- ketepatan masa]. Kata kerja gerak berkenderaan mempunyai ciri [- statik], [+ titik penamat] dan [- ketepatan masa]. Kelas kata kerja ini merupakan kelas kata kerja gerak kausatif aktif penyempurnaan. Sehubungan dengan itu, makalah ini telah menunjukkan bahawa struktur semantik kata kerja dan hubungannya dengan kehadiran preposisi lokatif dan argumen lain seperti Frasa nama.

Abstract

This article focuses on verbs of motion and the verbs are analyzed using the Role and Reference Grammar (RRG) by Van Valin (2005). The data are amassed from Dewan Bahasa and Pustaka corpus data base. The semantics representation in RRG analyzed the motion verbs based on the Aktionsart. Aktionsart is divided into states, achievements, accomplishments, activities and causatives. This study discovers that semantically the motion verbs can produce active accomplishment verbs with the features of [+ duration, -punctual, +telic], denotes the meaning of activity with [-static, - telic, - duration] features. This type of verbs occurs with prepositions di (at) and ke (to). Meanwhile motion verbs using vehicle has [- static, + telic, - punctual] as its features. This class of verbs is a causative active accomplishment verbs. Thus this articles proves that the semantic structure of verbs and its relations to the occurrence of locatives prepositions and other argument such as noun phrases are able to create various meaning of other motion verbs as well.

[1] Makalah ini adalah sebahagian daripada penyelidikan awal bagi projek UKM-SK-05-FRGS0074-2009 (Pengelasan baru kata kerja: satu analisis morfosemantik)

Pengenalan

Kata kerja gerak boleh didefinisikan sebagai kata kerja yang melibatkan lakuan gerak dan gerakan itu boleh mengakibatkan perubahan lokasi atau tidak. Dalam makalah ini perbincangan tentang kata kerja gerak akan difokuskan kepada perbezaan kata kerja tersebut dari segi perilaku semantik dan tumpuan diberikan kepada empat jenis kata kerja gerak iaitu;

(i) Kata kerja gerak yang secara inheren bersifat berarah seperti *datang, pergi,masuk, kembali, muncul* dan sebagainya.

(ii) Kata kerja meninggalkan seperti *meninggalkan*.

(iii) Kata kerja cara gerak seperti *berlari, berjalan, berpusing* dan sebagainya.

(iv) Kata kerja gerak menggunakan kenderaan seperti *berbasikal, berkayak, berkereta* dan sebagainya.

Kata kerja gerak yang secara inheren bersifat berarah memasukkan spesifikasi makna arah gerak walaupun tanpa kehadiran kata komplemen arah (Levin 1993: 264). Kata kerja jenis *meninggalkan* pula tidak menunjukkan cara gerak. Kata kerja ini sekadar menunjukkan bahawa gerakan berlaku dari lokasi asalnya. Objek langsung bagi kata kerja ini difahami sebagai menggambarkan lokasi asal sesuatu lakuan itu. Lokasi tidak boleh diungkapkan dalam bentuk FPrep; misalnya,

a.*Ahmad meninggalkan dari/ke tempat itu.

b. Ahmad meninggalkan tempat itu.

Sesuai dengan namanya kata kerja cara gerak, kata kerja ini menerangkan cara gerakan yang dilakukan walaupun kata kerja ini tidak semestinya melibatkan perubahan tempat. Kelompok kata kerja gerak ini tidak mempunyai makna arah semula jadi sebagai sebahagian daripada maknanya. Kesemua kata kerja yang di bawah kelompok ini mempunyai makna yang memasukkan konsep gerak atau makna gerak. Setiap kata kerja ini berbeza antara satu sama lain dari segi cara atau makna khusus yang dibawa oleh kata kerja tersebut. Jenis kata kerja kelompok ini termasuklah kata kerja bergolek- bergolek, berguling; berlari, berjalan dan merangkak. Kumpulan kata kerja ini boleh menerima preposisi lokatif *di, ke* dan *dari* dalam bahasa Melayu. Kata kerja gerak menggunakan kenderaan ialah kata kerja yang pelakunya bergerak ke satu tempat dengan menggunakan sesuatu kenderaan seperti basikal, kereta atau kayak.

Kelas Aktionsart dan Struktur logik kata kerja

Kelas *Aktionsart* memberi perhatian kepada ciri hakiki temporal bagi kata kerja iaitu keterbatasan (± titik penamat) , jangkamasa (± ketepatan masa) dan kedinamikan (± statik). Ringkasan bagi ciri-ciri ini ditunjukkan di bawah (Van Valin & LaPolla 2005) :

a. Keadaan: [+ statik],[-dinamik], [- titik penamat], [- ketepatan masa]
b. Aktiviti: [-statik],],[+dinamik], [-titik penamat], [-ketepatan masa]
c. Pencapaian : [-statik],],[-dinamik], [+titik penamat], [+ ketepatan masa]
d. *Semelfactive*: [-statik],],[±dinamik], [-titik penamat], [+ ketepatan masa]
e. Penyempurnaan : [-statik],],[-dinamik], [+titik penamat], [-ketepatan masa]
f. aktif penyempurnaan: [-statik],],[+dinamik], [+titik penamat], [-ketepatan masa]

Perbezaan KK statik dengan bukan statik

Kelas kata kerja statik dan bukan statik membezakan kata kerja yang mengenkodkan ‘apa yang berlaku’, sebagai contoh, Budak itu berlari. Kita boleh bertanya ‘Apa yang berlaku?’ dan menjawab ‘Budak itu sedang berlari’ tetapi bagi ayat ‘Ahmad menjadi guru’, tidak dapat menjadi jawapan kepada soalan ‘Apa yang berlaku’. Maka dalam contoh kata kerja berlari, kata kerja ini ialah [- statik]. Sebaliknya ayat seperti Ahmad menjadi guru tidak boleh menjawab soalan apa yang berlaku kepada Ahmad. Oleh itu *menjadi* ialah kata kerja [+ statik]. Melalui kriteria ini, aktiviti, pencapaian, *semelfactives*, penyempurnaan dan aktif penyempurnaan ialah [- statik] manakala kata kerja keadaan ialah [+ statik] sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Fitur Statik

Kata kerja	Fitur [± statik]
Keadaan	+
Aktiviti	-
Pencapaian	-
Penyempurnaan	-
Aktif penyempurnaan	-
Semelfactives	±

Fitur 'dinamik'

Fitur ini merujuk kepada sama ada situasi itu melibatkan lakuan atau tidak. Aktiviti dan aktif penyempurnaan melibatkan lakuan sebagaimana ia boleh dimodifikasi oleh adverba seperti *dengan bertenaga*, *dengan bersemangat* dan lain-lain seperti dalam contoh berikut:

Dia berlari dengan bertenaga.

Dia berlari ke padang dengan bersemangat.

Dia datang ke sekolah dengan bersemangat.

Keadaan, pencapaian dan penyempurnaan bukan dinamik kerana tidak boleh muncul dengan adverba di atas. Contoh-contoh dapat ditunjukkan dalam ayat-ayat di bawah

*Dia mengetahui jawapan itu dengan bersemangat/bertenaga.

* Ais itu cair dengan bersemangat/bertenaga.

* Bom itu meletup dengan bersemangat/bertenaga.

Ringkasan tentang fitur dinamik yang dimiliki oleh setiap kata kerja ditunjukkan di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Fitur dinamik

Kata kerja	**Fitur [±dinamik]**
Keadaan	-
Aktiviti	+
Pencapaian	-
Penyempurnaan	-
Aktif penyempurnaan	+
Semelfactives	-

Fitur titik penamat

Fitur ini berkaitan dengan sama ada kata kerja menunjukkan bentuk keadaan (state of affair) dengan titik penamat inheren/semulajadi atau tidak. Contoh: *Ali kacak.* Dalam contoh ini tidak ada rujukan kepada sempadan masa. Maka predikat ini adalah tidak bertitik penamat/atelic. Dalam contoh ayat *Bumi berputar mengelilingi matahari*. Kata kerja *berputar* memperlihatkan adanya rujukan kepada aktiviti tetapi aktiviti berputar itu tidak semestinya tamat. Salji itu cair→ menabirkan adanya titik penamat iaitu salji itu akan cair. Maka kata kerja *berputar* [- titik penamat] sementara kata kerja *cair* [+ titik penamat]. Kata kerja aktif penyempurnaan adalah

telic/titik penamat. Contoh: Ali pergi ke sekolah/ Ani makan nasi itu. Adanya titik penamat semula jadi iaitu titik di mana Ali tiba di sekolah/ nasi itu selesai dimakan. Kata kerja pencapaian juga mempunyai titik penamat . Jika bom itu meletup atau tingkap itu pecah . Titik penamat adalah pada saat letupan atau hancur (tingkap). Pencapaian adalah transisi antara satu bentuk keadaan (bom tidak meletup, tingkap yang elok) kepada bentuk keadaan yang baru (bom yang meletup, tingkap yang pecah). Oleh itu KK ini [+ titik penamat]. Kata kerja *semelfactives*- merupakan peristiwa yang asli iaitu tidak ada transisi antara satu keadaan dengan keadaan yang satu lagi. *Matanya berkelip sekali sahaja*. Keadaan *mata* adalah sama selepas peristiwa sebelumnya. Tidak ada perubahan keadaan sebagaimana dengan pencapaian, oleh itu tidak ada transisi. Maka ia dianggap [- titik penamat]. Kata kerja keadaan, aktiviti dan *semelfactives* adalah tidak bertitik penamat (atelic), sementara pencapaian, penyempurnaan dan aktif penyempurnaan adalah bertitik penamat sebagaimana ditunjukkan pada Jadual 3.

.

Jadual 3: Fitur Titik Penamat

Kata kerja	Fitur [± titik penamat]
Keadaan	-
Aktiviti	-
Pencapaian	+
Penyempurnaan	+
Aktif penyempurnaan	+
Semelfactives	-

Fitur (± ketepatan masa]

Fitur ini membezakan peristiwa dengan jangka masa/ tempoh waktu dalaman dengan peristiwa yang tidak mempunyai tempoh waktu. Kata kerja cair dan letup boleh melibatkan perubahan keadaan sebagaimana *salji itu cair* dan *belon itu meletup* tetapi keduanya berbeza. Cair mengambil tempoh masa, sementara meletup berlaku serta merta. Oleh itu pencapaian ialah tepat masa sementara penyempurnaan tidak. *Semelfactives* juga tepat masa oleh sebab ia menandakan peristiwa tanpa tempoh masa yang banyak. Oleh kerana keadaan dan aktiviti [-titik penamat], maka secara definisinya ia melibatkan tempoh masa, oleh itu keduanya sentiasa [- ketepatan masa].

Jadual 4: Ketepatan masa

Kata kerja	Fitur [±ketepatan masa]
Keadaan	-
Aktiviti	-
Pencapaian	+
Penyempurnaan	-
Aktif penyempurnaan	-
Semelfactives	+

Kata kerja keadaan dan aktiviti mempunyai persamaan oleh sebab kedua-duanya adalah tidak terbatas dari segi jangka masa iaitu kedua-duanya adalah duratif dan tidak pernah mempunyai titik akhir jangka masa. Walau bagaimanapun, kedua-duanya berbeza iaitu daripada segi kata kerja keadaan yang tidak bersifat dinamik. Kata kerja pencapaian dan penyempurnaan seakan-akan serupa oleh sebab kedua-duanya terbatas dari segi jangka masa. Walau bagaimanapun, kedua-dua kata kerja ini mempunyai perbezaan iaitu kata kerja pencapaian kurang tempoh masa sebagaimana ditunjukkan oleh ciri [+ ketepatan masa]. Perubahan keadaan ditunjukkan oleh kata kerja pencapaian. Perubahan ini berlaku secara serentak dengan penamat masa. Sementara kata kerja penyempurnaan membenarkan berlakunya perubahan dalam tempoh masa. Dengan kata lain setiap kelas kata kerja mempunyai ciri yang membezakan satu kelas kata kerja itu dengan kelas kata kerja yang lain sebagaimana dinyatakan oleh Van Valin dan LaPolla (1997:92); iaitu,

> *States are non-dynamic and temporally unbounded. Activities are dynamic and temporally unbounded. Achievement codes instantaneous changes, usually changes of state but also changes in activities as well; they have an inherent terminal point. Accomplishments are temporally extended (not instantaneous) changes of state leading to a terminal point.*

Dalam RRG, setiap kelas *Aktionsart* menggunakan sistem dekomposisi leksikal yang dipanggil sebagai STRUKTUR LOGIK (SL) (LOGICAL STRUCTURES (LS)). Perbezaan empat kelas Aktionsart asas ditunjukkan pada Jadual 5.

Jadual 5: Representasi Leksikal bagi Kelas *Aktionsart* Asas

Jenis Aktionsart	Struktur logik
Keadaan	**Predikat'** (x) atau **predikat'** (x, y)
Pencapaian	INGR **predikat'** (x) atau INGR **predikat'** (x,y)
Penyempurnaan	MENJADI **predikat'** (x) atau MENJADI **predikat'** (x,y)
Aktiviti	**melakukan'** (x,[**predikat'** (x)]) atau **melakukan'** (x,[**predikat'** (x,y)])
Semelfactive	SEML **predikat'** (x) atau (x,y)
Aktif penyempurnaan	**melakukan'** (x, [**predikat1'** (x,(y)]) & MENJADI **predikat2'** (z,x) atau (y)

Kelas *Aktionsart* dan Struktur logik kata kerja gerak

Perbincangan tentang kata kerja gerak akan difokuskan kepada empat kelas iaitu kelas kata kerja yang secara inheren bersifat berarah, kata kerja cara gerak, kata kerja gerak meninggalkan dan kata kerja gerak berkenderaan.

Kelas kata kerja yang secara inheren bersifat berarah

Secara semula jadi kelas kata kerja yang secara inheren bersifat berarah merupakan kelas kata kerja aktif penyempurnaan (Maslida Yusof et al.2008). Kata kerja ini mempunyai ciri [+tempoh masa], [- ketepatan masa], [+ titik penamat].

a).melakukan' (x,[**gerak dari titik rujukan'** (x)]) & (MENJADI TIDAK **di-lok'** (y, x) & MENJADI **di- melalui'** (y, x) & MENJADI **di-lok'** (y, x)

Arah gerak/lokasi ditandai oleh MENJADI TIDAK **di-lok'** dan MENJADI **di-lok'** (L,x). SL (a) memperlihatkan lokasi yang merupakan sebahagian daripada argumen struktur logik bagi kata kerja aktif penyempurnaan. SL ini membayangkan bahawa lakuan pelaku mempunyai arah sasaran dan titik penamat/penyempurnaan bagi aktiviti/proses yang berlaku. Makna kata kerja kelas penyempurnaan dapat meramalkan kemunculan preposisi arah lokatif *ke* dan *dari* dalam representasi sintaksisnya. Preposisi *ke* menunjukkan lokasi ke mana arah sesuatu subjek (pelaku) dan objek (benda) itu disasarkan. SL (a) memperlihatkan arah dan sasaran yang dijanakan oleh kata kerja gerak menyebabkan subjek atau objek sampai ke sasarannya. Dalam

representasi sintaksis sasaran/matlamat iaitu MENJADI **di-lok'** (x,y) direalisasikan oleh preposisi *ke* dalam ayat manakala MENJADI TIDAK **di-lok'** sebagai mewakili preposisi *dari*. Preposisi *dari* dan *ke* berfungsi sebagai argumen apabila hadir bersama kata kerja aktif penyempurnaan seperti *pergi, masuk, keluar, bertolak dan datang.* Kata kerja gerak yang secara inheren bersifat berarah mengambil predikat lokatif bagi bentuk MENJADI / MENJADI TIDAK **di-lok'** (y,z). Preposisi *dari* dan *ke* berfungsi sebagai argumen apabila predikat lokatif ini muncul dalam SL bagi kata kerja gerak aktif penyempurnaan dan juga berupaya muncul secara opsyenal dalam representasi sintaksis misalnya, SL kata kerja *keluar* dan *pergi* dalam ayat (1) dan (2) memperlihatkan predikat **di-lok'** hadir sebagai sebahagian representasi semantik bagi kata kerja *keluar* dan *pergi*.

Berasaskan SL bagi kata kerja *pergi* dan *keluar* didapati kata kerja ini memerlukan maklumat lokasi yang ditandai oleh operator MENJADI/ (TIDAK) **di-lok'** sebagaimana ayat berikut:

(1) Khalil yang keluar *dari* bilik air, terpinga-pinga hairan. (Buih)[2]

(1a) **Terpinga-pinga' melakukan'** (Khalil,[**gerak dari titik rujukan'** (Khalil)]) (MENJADI TIDAK **di-lok'** (bilik air, Khalil) & MENJADI **di- melalui'** (L, Khalil) & MENJADI **di-lok'** (L, Khalil)

(2) Mereka pergi *ke* tempat pendaftaran. (Noni)

(2a) **melakukan'** (GN3,[**gerak dari titik rujukan'** (GN3)]) &MENJADI TIDAK **di-lok'** (L, GN3) & MENJADI **di-melalui'** (L, GN3) & MENJADI **di-lok'** (tempat pendaftaran, GN3)

Berasaskan SL (a), kita boleh mengandaikan bahawa walaupun dalam representasi sintaksisnya tidak mengandungi salah satu penanda arah (sumber, laluan atau sasaran) namun gambaran akan adanya penanda arah ini dapat diramalkan berasaskan SL kata kerja tersebut sebagaimana ditunjukkan dalam SL kata kerja *pergi* dan *keluar* pada ayat (1) dan (2).

[2] Sebahagian contoh diambil daripada Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu daripada Novel *Noni* (Abdullah Hussin 1997) dan Novel *Buih* (Azizi Hj. Abdullah 1995)

Kata kerja cara gerak

Kata kerja cara gerak merupakan kata kerja yang berada dalam kelas aktiviti kerana memiliki ciri [-statik, -titik penamat,-tempoh masa] seperti *berjalan, berlari;* yang boleh hadir bersama preposisi *di* misalnya, ditunjukkan dalam ayat (3) dan (4) iaitu;

(3) Dia *berjalan* ***di*** depan Masjid Ar-Rahman, memintas. (Noni)

(4) Khairuddin melihat, mengawasi kedua-duanya yang riang *berlari* dan berkejaran ***di*** tengah padang. (Buih)

Kedua-dua ayat (3) dan (4) mengandungi kata kerja gerak iaitu *berjalan* dan *berlari* . Sesuai dengan namanya kata kerja cara gerak, kata kerja ini menerangkan cara gerakan yang dilakukan walaupun kata kerja ini tidak semestinya melibatkan perubahan tempat. Kelompok kata kerja cara gerak tidak mempunyai makna arah semula jadi sebagai sebahagian daripada maknanya kecuali ia muncul secara eksplisit dengan frasa preposisi arah. Kesemua kata kerja yang di bawah kelompok ini mempunyai makna yang memasukkan konsep gerak atau makna gerak. Setiap kata kerja ini berbeza antara satu sama lain dari segi cara atau makna khusus yang dibawa oleh kata kerja tersebut. Jenis kata kerja kelompok ini termasuklah kata kerja *bergolek, berguling, berlari, berjalan dan merangkak.* Makna kata kerja ini diperlihatkan sebagai berikut:

b. SL kata kerja cara gerak aktiviti:

melakukan' (x[**pred'** (x)])

SL bagi kata kerja gerak aktiviti adalah sebagaimana ditunjukkan pada (b). SL dalam (b) tidak memperlihatkan argumen lokasi. Sebagai contoh kata kerja *berlari* dalam ayat *Syarifah berlari,* SLnya ialah : **melakukan'**(Syarifah,[**berlari'** (Syarifah)]. Ketiadaan maklumat lokasi dalam struktur semantiknya menyebabkan kata kerja ini bebas menerima preposisi lokatif dalam representasi sintaksisnya. Kelas kata kerja ini boleh menerima preposisi di, ke atau dari. Misalnya dalam ayat berikut :

(5) i.Siti berlari di padang
ii.Siti berlari dari padang
iii. Siti berlari ke padang.

(6) Dia berjalan ***di*** depan Masjid Ar-Rahman, memintas.

(7) Khairuddin melihat, mengawasi kedua-duanya yang riang berlari dan berkejaran ***di*** tengah padang.

Kedua-dua ayat (6) dan (7) mengandungi kata kerja gerak iaitu *berjalan* dan *berlari.* Kata kerja ini merupakan kata kerja aktiviti [-statik,-titik penamat,-ketepatan masa]. Berbeza dengan kata kerja yang secara inheren bersifat berarah, kata kerja aktiviti gerak ini boleh juga menerima preposisi *ke/dari*. Sebagai contoh preposisi dalam ayat (6) boleh diganti dengan preposisi *ke atau dari* menjadikan ayat tersebut berbunyi: *Dia berjalan ke Masjid Ar- Rahman* atau *Dia berjalan dari Masjid Ar- Rahman* iaitu, menandakan sumber dan sasaran khusus yang ingin dituju oleh pelaku. Kehadiran preposisi *di* atau *ke/dari* dalam ayat aktiviti gerak menyampaikan maklumat yang berbeza. Jika kata kerja gerak tidak mempunyai sasaran khusus maka kata kerja ini berkelakuan seperti aktiviti. Sebaliknya jika kata kerja itu mempunyai sasaran khusus (atau ditentukan) iaitu yang ada titik terminal, maka kata kerja itu berkelakuan seperti penyempurnaan (Maslida Yusof 2009). Dalam bahasa Melayu, kata preposisi *di* yang hadir bersama kata kerja aktiviti menandakan perlakuan itu tidak berada dalam tempoh masa penamat yang menjadi penunjuk bahawa perlakuan itu boleh berulang-ulang. Jika kata kerja aktiviti muncul bersama kata preposisi *ke*, maka dianggap perlakuan itu berlaku dalam tempoh masa yang ada titik penamat.

Dengan demikian dalam bahasa Melayu, kehadiran preposisi yang berbeza dalam sesuatu ayat bergantung kepada kelas kata kerja yang muncul bersamanya dalam ayat iaitu sama ada kelas kata kerja aktiviti atau penyempurnaan . Dalam ayat aktiviti seperti (6) dan (7), preposisi *di* menunjukkan gerakan pelaku pada satu kawasan lokasi iaitu *di masjid* dan *di kawasan padang*. Pelaku mungkin hanya beraksi di satu kawasan sekitarnya sahaja, tidak mempunyai sasaran yang pasti dan tidak mengakibatkan perubahan lokasi atau posisi. Aktiviti pelaku juga mungkin berterusan dan berulang iaitu berbeza dengan kata kerja penyempurnaan yang mempunyai titik penamat iaitu adanya pencapaian sasaran bagi sesuatu perlakuan atau aktiviti. Dengan kata lain, preposisi *ke* menunjukkan penyempurnaan sesuatu aksi yang berlangsung

manakala preposisi *di* melambangkan posisi/lokasi bagi aksi yang berlangsung. Perbezaan struktur bagi representasi semantik leksikal untuk kata kerja aktiviti dan kata kerja aktif penyempurnaan diberikan dalam (6) dan (7):

(6)a. SL *Berlari* : **melakukan'** (x [**berlari'**, x])

b. Khairuddin melihat, mengawasi kedua-duanya yang riang berlari dan berkejaran ***di*** tengah padang. (Buih)

c.SL : **di-lok'**(tengah padang,[**melakukan'**(Khairuddin, [**berlari'** (Khairuddin)]])

(7) a. Syarifah berlari-lari ***ke*** motokar yang berhenti itu.(Noni)

b. SL :**melakukan'**(Syarifah,[**berlari'** (Syarifah)]& MENJADI **di-lok'**(motokar, Syarifah)

Berasaskan SL bagi kata kerja aktiviti, didapati kata kerja seperti *berlari* boleh mempunyai lebih daripada satu interpretasi *Aktionsart,* iaitu ; sebagai kata kerja aktiviti dan kata kerja aktif penyempurnaan. Kata kerja ini disenaraikan dalam leksikon sebagai kata kerja aktiviti dan *rumus leksikal*. Rumus leksikal merupakan rumus yang menerbitkan alternasi kata kerja misalnya, kata kerja aktiviti gerak *berlari.* Kata kerja *berlari* mempunyai dua alternasi antara aktiviti dan aktif penyempurnaan sebagaimana dalam (8).

(8) a. Syarifah berlari-lari *di* motokar yang berhenti itu. - Aktiviti

a'. **di-lok'**(motokar, [**melakukan'**(Syarifah,[**berlari-lari'**(Syarifah)])])

b. Syarifah berlari-lari *ke* motokar yang berhenti itu. - Aktif penyempurnaan.

b'. **melakukan'**(Syarifah,[**berlari-lari'**(Syarifah)])& MENJADI **di-lok'** (motokar, Syarifah)

Persoalannya di sini adalah bagaimanakah bentuk-bentuk variasi bagi kata kerja *berlari* sebagaimana ditunjukkan dalam (8) berhubungan di antara satu dengan yang lain ? RRG mengungkapkan hubungan antara bentuk-bentuk ini melalui rumus leksikal (Van Valin & LaPolla 1997). Rumus leksikal yang mengaitkan dua penggunaan *berlari* dalam (9) ditunjukkan oleh rumus leksikal berikut :

(9) Aktiviti [gerak]⟶ aktif penyempurnaan: diberi SL aktiviti **melakukan'**(x,[**pred'**(x)]), tambah '& MENJADI **di-lok'** (y,x)' untuk membentuk SL aktif penyempurnaan

Rumus ini menyatakan bahawa secara dasarnya kata kerja seperti *berlari* adalah kata kerja aktiviti dan penggunaan aktif penyempurnaannya adalah diterbitkan. Dengan kata lain, RRG mencadangkan satu entri bagi kata kerja aktiviti (cara gerak) yang dalam bahasa Melayu seperti *berlari* yang mana penggunaan aktif penyempurnaan diterbitkan melalui rumus leksikal dalam (9).

Dalam kes-kes yang melibatkan alternasi aktiviti-aktif penyempurnaan item bagi setiap kelas kata kerja tidak perlu disenaraikan dalam leksikon sebanyak dua kali. Apa yang dimaksudkan ialah, sebagai contoh : dalam bahasa Melayu kata kerja *berlari* hanya disenaraikan sekali dalam leksikon dan bukan dua kali ; iaitu, satu masukan membawa makna aktiviti dan satu masukan membawa makna sebagai penyempurnaan. Sebaliknya dalam leksikon bentuk aktiviti akan disenaraikan dan penggunaan aktif penyempurnaan akan diterbitkan mengikut *rumus leksikal* (iaitu rumus yang menerbitkan pengunaan-pengunaan lain daripada kata kerja asas).

Berasaskan SL (9) kita boleh membezakan dua kelas kata kerja iaitu kata kerja gerak yang membawa maklumat aktiviti (dengan penggunaan preposisi *di*) dan kata kerja gerak yang membawa maksud penyempurnaan (disempurnakan oleh kehadiran preposisi *ke*). Dengan itu kita boleh merumuskan perbezaan bagi kedua-dua preposisi ini sebagai berikut:

Kata kerja aktiviti : - FPrep matlamat (menerangkan lokasi lakuan berlari)

Kata kerja aktif penyempurnaan :+ FPrep matlamat (menerangkan lokasi pelaku)

Kertas kerja ini telah menunjukkan bahawa apabila predikat lokatif muncul dalam struktur logik aktiviti maka ia memberi gambaran penggunaan penyempurnaan bagi kata kerja aktiviti.

Bagi kata kerja cara gerak dan menyebabkan gerak, gambaran gerak ke satu posisi yang mengakibatkan perubahan lokasi adalah ditunjukkan dalam struktur logik di bawah:

(10) **melakukan'**(x,[**predikat1'**(x,y))] & MENJADI **predikat2'**(z,x) atau (y).

SL (10) menjelaskan bahawa sekiranya kata kerja tersebut adalah kata kerja aktiviti gerak, contoh *berlari*, maka apabila ditambah dengan & MENJADI **predikat'** ia akan menghasilkan sasaran yang ditetapkan, contoh MENJADI **di-lok'** (x,y) iaitu membentuk struktur logik bagi kelas kata kerja aktif penyempurnaan lokatif. Kata kerja penyempurnaan mempunyai ciri [+ titik penamat] dan mempunyai tempoh masa. Sifat yang sama dimiliki oleh kata kerja aktif penyempurnaan iaitu [+ titik penamat] dan [– ketepatan masa]. Namun apa yang membezakan kata kerja aktif penyempurnaan dengan kata kerja penyempurnaan ialah sifatnya yang lebih aktif dan boleh hadir bersama dengan adverba dinamik seperti *dengan aktif, dengan laju* dan sebagainya. Sebagai contoh *berlari ke kedai dengan laju* dan *berlari ke padang dengan aktif*. Oleh itu kata kerja aktiviti seperti *berlari* dikategorikan sebagai aktif penyempurnaan apabila menerima frasa preposisi arah *ke* yan*g* menggambarkan kedua-dua aspek aktiviti dan penyempurnaan.

Kata kerja gerak meninggalkan

Kata kerja gerak meninggalkan ialah juga merupakan kata kerja yang berada dalam kelas aktif penyempurnaan. Kata kerja ini tidak menunjukkan cara gerak tetapi difahami sebagai berlakunya peralihan kepada gerakan yang berlaku atau perubahan tempat. Kehadiran kata kerja ini tidak didampingi oleh kata preposisi arah atau tempat kerana makna kata kerja ini sudah merangkumi makna lokatif iaitu dibaca sebagai pergi/bergerak dari satu tempat dan menuju/sampai ke tempat lain. Kata kerja ini mempunyai ciri [- statik], [+ titik penamat] dan [- ketepatan masa]. Contoh bagi kehadiran kata kerja ini dalam ayat ialah seperti ayat (11) di bawah).

(11). Ahmad meninggalkan tempat itu.

Kata kerja gerak meninggalkan, difahami sebagai menyatakan sumber bagi pergerakan, dengan tidak menyatakan tempat/lokasi baru pergerakan. Walaupun, kata kerja ini tidak ditandai arah penyempurnaannya tetapi interpretasi pada kata kerja ini boleh diparafrasakan sebagai mengandungi pergerakan penyempurnaan seperti berikut;

Ahmad meninggalkan tempat itu dan pergi ke tempat lain.

Interpretasi ini jika dipecahkan kepada ayat tunggal mengandungi dua ayat yang mana ayat pertama menunjukkan sumber lokasi asal dan ayat kedua menandakan lokasi baru bagi subjek iaitu;

(11)a. Ahmad meninggalkan tempat itu (sumber).

(11)b. Ahmad pergi ke tempat lain.

SL bagi kelas kata kerja ini boleh direpresentasikan seperti berikut :

c. melakukan'(x,[**predikat1'**(x))] & MENJADI TIDAK **predikat2'**(y,x) & MENJADI di-lok' (z,x)

Maka jika ayat (11) ingin diberikan SLnya, ianya dapat diperlihatkan seperti berikut:

(11)c**. melakukan'** (Ahmad,[**gerak dari titik rujukan'** (Ahmad) & MENJADI TIDAK **di-lok1'** (tempat , Ahmad) & MENJADI **di-lok2'** (L, Ahmad)

Kata kerja gerak berkenderaan

Kata kerja gerak berkenderaan boleh dibahagikan kepada dua iaitu kata kerja gerak yang menggunakan nama kenderaan dan kata kerja gerak yang bukan nama kenderaan. Kata kerja gerak yang menggunakan kenderaan ialah seperti *berbasikal* (menggunakan basikal), *berkereta* (menggunakan kereta) dan *berkayak* (menggunakan kayak). Penggunaaan kata kerja ini memberi maksud yang pelaku menggunakan sesuatu kenderaan bagi mencapai maksudnya sebagai pergerakan. Ini bermaksud pergerakan pelaku berlaku hasil daripada penggunaan sejenis kenderaan tertentu dan diinterpretasikan sebagai pelaku bergerak ke satu lokasi kerana kenderaan tersebut yang membawanya ke lokasi tersebut. Kata kerja ini juga difahami sebagai berlakunya perubahan tempat. Dengan perkataan lain, kata kerja ini dianggap sebagai ''bergerak menggunakan kenderaan yang dinamai oleh kata nama''. Ahli-ahli dalam set kata kerja ini menerangkan gerakan bagi sesuatu entiti dan juga menyampaikan maksud arah khusus bagi gerakan tersebut dan dalam struktur sintaksis penyempurnaan pergerakan itu ditandai dengan kehadiran frasa preposisi arah yang eksplisit. Contoh ayat yang mengandungi kata kerja gerak menggunakan kenderaan ditunjukkan dalam ayat (12) dan (13) yang dipetik daripada Nik Safiah Karim et al. (2008).

(12)a.Bapa tidak berkereta ke pejabat hari ini.

(12)b. *?Bapa tidak berkereta.

(13)a. Kebanyakan murid di situ berbasikal ke sekolah.

(13)b. *? Kebanyakan murid di situ berbasikal.

Ayat (12a) dan (13a) bermaksud bahawa bapa menggunakan kereta untuk sampai ke pejabat dan 13a bermaksud kebanyakan murid sampai ke sekolah dengan menggunakan basikal. Manakala sekiranya preposisi arah tidak dimasukkan ke dalam ayat tersebut maka ayat (12b) dan (13b) tidak membawa maksud sebagaimana ayat 12a dan 13a tetapi makna ayat tersebut membayangkan bahawa bapa tidak mempunyai kereta dan kebanyakan muid mempunyai basikal.

Kelas kata kerja ini mempunyai ciri [- statik], [+ titik penamat] dan [- ketepatan masa]. Kelas kata kerja ini merupakan kelas kata kerja gerak kausatif aktif penyempurnaan. Maka SL bagi kata kerja ini ialah

d. i. **melakukan'** (x, [**guna'** (x, y) MENYEBABKAN [[**melakukan'** (y,[**gerak dari titik rujukan'** (x)]] MENYEBABKAN[MENJADI **di-lok'** (z, x)]])

ii. **melakukan'** (bapa, [**guna'** (bapa, kereta) MENYEBABKAN [[**melakukan'** (kereta,[**gerak dari titik rujukan'** (bapa)]] MENYEBABKAN [MENJADI **di-lok'** (pejabat, bapa)]])

iii. **melakukan'** (murid, [**guna'** (murid, basikal) MENYEBABKAN [[**melakukan'** (basikal,[**gerak dari titik rujukan'** (murid)]] MENYEBABKAN [MENJADI **di-lok'** (sekolah, murid)]])

Yang kedua bagi kategori kata kerja gerak berkenderaan ialah kata gerak yang bukan nama kenderaan seperti kata kerja *berdayung* dan *berkayuh*. Walaupun kata kerja ini tidak menyatakan nama kenderaan tetapi kata kerja ini menerangkan gerakan menggunakan jenis kenderaan yang tertentu seperti *berdayung* menggunakan sampan/perahu dan *berkayuh* menggunakan perahu/sampan atau basikal. Ada ahli dalam kelas kata kerja ini menerangkan pergerakan bagi sesuatu entiti namun ada ahlinya yang tidak membayangkan arah gerakan

kecuali kata kerja ini muncul bersama dengan frasa preposisi arah dalam ayat tersebut. Contohnya kata kerja *berdayung* dalam ayat (14). Namun ada kata tertentu yang secara langsung membayangkan arah gerakan walaupun tanpa kata preposisi arah seperti kata *berkayuh* yang muncul bersama kata prepsosisi *ke*. Contohnya dalam ayat (15). Perilaku kata *berdayung* mempunyai persamaan dengan kata gerak aktiviti kerana kata kerja tersebut boleh muncul dalam tiga keadaan iaitu *berdayung sampan, berdayung di tasik* atau *berdayung ke daratan*. SL kata *berdayung* boleh ditunjukkan sebagai **melakukan'** (x[**pred'** (x)]) manakala kata *berkayuh* mempunyai ciri sebagai aktif penyempurnaan iaitu **melakukan'**(x,[**predikat1'**(x,y))] & MENJADI **predikat2'**(z,x) atau (y).

14. Sesudah beberapa lama mati angin, kapal layar itu tidak bergerak dari tempatnya sehingga anak buahnya terpaksa *berdayung*. (Kamus Dewan 2005)
15. Nelayan itu *berkayuh* ke tebing sungai. (Nik Safiah Karim et al. 2008)

Kesimpulan

Kertas ini cuba menunjukkan sifat dan perilaku kata kerja khususnya kata kerja gerak dalam bahasa Melayu. Kertas ini menunjukkan set kata kerja yang berada dalam kelas yang sama menunjukkan sifat yang sama ada dari segi semantik atau sintaksisnya. Sehubungan dengan itu dengan mengetahui SL kelas kata kerja tersebut, kita boleh membuat ramalan akan perilaku sintaksis kata kerja tersebut, antaranya menerima kehadiran preposisi atau tidak, kemunculan argumen kata nama dan sebagainya.

RUJUKAN

Abdullah Hussain. 1997. *Noni*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Azizi Hj. Abdullah. 1995. *Buih*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd.

Kamus Dewan. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Levin, B. 1993. *English Verb classes and alternations: A preliminary investigation. Chicago*: The University of Chicago Press.

Maslida Yusof, Rogayah A. Razak & Zaharani Ahmad. 2008. Pengelasan kata kerja bahasa Melayu: Pendekatan semantik berdasarkan Role and Reference Grammar (RRG). *Jurnal Bahasa*. 8 (2): 242-262.

Maslida Yusof, 2009. Preposisi Lokatif Bahasa Melayu Berdasarkan Kerangka Role and Reference Grammar (RRG). *GEMA online Journal of Language Studies*. Vol 7 (1). 17-33.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2008. Tatabahasa dewan. Ed. Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Van Valin & LaPolla. 1997. *Syntax: structure, meaning and function*. Cambridge: Cambridge University Press.

Van Valin, R. 2005. *Exploring the syntax-semantics interface*. Cambridge: Cambridge University Press.